

JAWATAN	: PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT
GRED	: FA5
SKIM PERKHIDMATAN	: PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	: SISTEM MAKLUMAT
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: PELAKSANA
TARAF JAWATAN	: TETAP
LOKASI	: JOHOR BAHRU
JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM	: RM1,650.00 – RM6,620.00
	PEKELILING PERKHIDMATAN BIL.1/2024
KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN	: RM145.00
IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM	: RM160.00
IMBUHAN TETAP PERUMAHAN	: RM300.00
BAYARAN IMBUHAN SARA HIDUP	: RM350.00

SYARAT LANTIKAN:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a)
- (i) Sijil Teknologi Maklumat, Sijil Kejuruteraan dalam bidang Kejuruteraan Komputer atau Sijil dalam bidang Prosesan Data yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred FA5: RM1,650.00); atau
 - (ii) Diploma Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred FA5: RM1,731.00); atau
 - (iii) Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred FA5: RM1,812.00); atau
 - (iv) Diploma Sains Komputer, Diploma Teknologi Maklumat atau Diploma Kejuruteraan dalam bidang Kejuruteraan Komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred FA5: RM1,974.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU:

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Juruteknik Komputer adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA5, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
 - a. mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); dan
 - b. had umur pelantikan:
 - i. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - ii. berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - iii. berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun

SYARAT UNIVERSITI:

1. Keutamaan kepada calon yang memiliki sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris di peringkat SPM/SPMV serta berkeupayaan berkomunikasi dengan baik dalam Bahasa Inggeris, sama ada secara lisan mahupun penulisan
2. Berpengalaman dalam membangunkan sistem maklumat.
3. Berpengetahuan atau pengalaman dalam menggunakan pangkalan data Oracle.
4. Berpengetahuan atau pengalaman dalam menggunakan bahasa pengaturcaraan Microsoft .net MVC / Core atau PHP Laravel.

DESKRIPSI TUGAS:

Deskripsi tugas bagi Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (FA5) adalah seperti berikut :-

1. Bertanggungjawab dalam melaksanakan kerja-kerja membangunkan program, menguji program, menyediakan dokumentasi program, membantu dalam penyediaan spesifikasi program serta membantu dalam pengujian perisian pembangunan sistem aplikasi.
2. Bertanggungjawab dalam membantu menganalisis keperluan program serta terlibat di dalam merekabentuk, pengkodan dan menyelenggara sistem serta berkeupayaan di dalam menyelesaikan masalah (*troubleshooting* dan *problem solving*) yang berkaitan dengan program dan sistem aplikasi.
3. Bertanggungjawab dalam menyelenggara aturcara baharu dan sedia ada untuk sistem aplikasi.
4. Bertanggungjawab dalam memberikan latihan serta bantuan teknikal kepada pihak pengguna.
5. Membantu dalam menyediakan dokumentasi projek dan analisa sistem.
6. Membantu dalam menyediakan keperluan pengguna (*requirement study*) semasa pembangunan sistem.

CARA DAN PERATURAN PERMOHONAN:

1. Pemohon hendaklah membuat permohonan secara dalam talian <https://mohonjawatan.utm.my/lantikan/> dan melengkapkan semua maklumat termasuk memuat naik GAMBAR melalui laman web UTM.
2. Bayaran RM20.00 dikenakan bagi satu (1) jawatan. Sila simpan resit bayaran sebagai bukti pembayaran.
3. Sila masukkan maklumat yang sah, lengkap dan tepat. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
4. Calon-calon yang melepasi tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga.
5. Salinan sijil-sijil akademik dan sijil berkaitan perlu DISAHKAN dan dibawa ketika sesi temu duga dijalankan. (Pengesahan oleh Pegawai Gred 9 dan ke atas).
6. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh (6) enam bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
7. Perokok Adalah Sangat Tidak Digalakkan Memohon.